



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

1,000 PEKERJA MMC-GAMUDA TERIMA VAKSIN DI BAWAH PROJEK RINTIS TRAK VAKSIN BERGERAK MYMEDIC@WILAYAH

Peningkatan kes harian wabak Covid-19 sejak kebelakangan ini didorong oleh pelbagai varian dan kluster baharu yang dikenali oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Antara kluster yang dilaporkan menyumbang kepada peningkatan mendadak termasuklah kluster tempat kerja, terutama sekali kes-kes yang melibatkan tapak pembinaan.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan DBKL memandangi berat akan perkara ini kerana peningkatan kes Covid-19 di tapak pembinaan ini secara tidak langsung memberikan implikasi kepada usaha menyelamatkan Wilayah Persekutuan daripada penularan wabak Covid-19. Sebagai langkah proaktif bagi mengatasi masalah ini, KWP melalui DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama KKM, MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd, Badan Bertindak Imunisasi Kebangsaan (CITF), Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan, melaksanakan Projek Rintis Trak Vaksin Bergerak MYMedic@Wilayah di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) kepada 1000 pekerja milik syarikat MMC Gamuda. Kesemua penerima yang terdiri daripada kakitangan, Kontraktor Turnkey (TC) dan Kontraktor Pakej Kerja Bawah Tanah untuk Projek Laluan MRT Putrajaya menerima suntikan pertama vaksin Covid-19 mereka secara sukarela.

Program ini diadakan bertujuan bagi memvaksinasi pekerja yang terlibat dalam perkhidmatan yang kritikal supaya mereka dapat meneruskan kerja-kerja pembinaan seperti mana yang dijadualkan sebelum ini dengan mengurangkan penularan wabak Covid-19 di kalangan pekerja memandangkan kerja-kerja penamat dan ujian kritikal Fasa 1 Projek Laluan MRT Putrajaya sedang disiapkan menjelang pelancarannya pada pertengahan Ogos 2021.

Kesemua penerima vaksin pada hari ini telah berdaftar dalam aplikasi MySejahtera terlebih dahulu. Sebanyak dua (2) unit trak vaksin bergerak MYMedic@Wilayah digunakan dengan setiap trak mempunyai kapasiti 500 dos vaksin. Proses vaksinasi yang dijalankan bermula jam 9 pagi hingga 4 petang yang dijadualkan selama sehari, dijalankan dengan pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. Pergerakan penerima vaksin dikawal selia oleh anggota DBKL, PDRM, APM dan RELA bagi memastikan tidak berlaku kesesakan dan mengikut penjarakan fizikal yang ditetapkan.

KWP berharap semua institusi, syarikat dan permis perniagaan di Wilayah Persekutuan dapat bersama-sama memerangi Covid-19 dengan memberi perhatian khusus kepada aspek keselamatan dan pencegahan Covid-19 terhadap pekerja dan kakitangan selain memastikan mereka sentiasa mematuhi peraturan pencegahan Covid-19 dan SOP di tempat kerja.

“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”

TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA

Menteri Wilayah Persekutuan

8 Jun 2021